



MAHKAMAH SYARIAH SARAWAK

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2000

KOD PENDAFTARAN KES

Saya ingin menarik perhatian Y.A./Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1/2000 pada 11 Mei 2000 di Kota Bharu Kelantan dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiul Awwal 1421 di Kota Kinabalu Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Kod Pendaftaran Kes di Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Oleh itu, semua kes-kes Mahkamah Syariah hendaklah didaftarkan menurut Kod Pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual bersama ini.

2. Tujuan mengadakan Kod Pendaftaran ini ialah untuk :-
 - a) Memudahkan pengenalan kes-kes di Mahkamah
 - b) Memudahkan penyediaan penyata perangkaan
 - c) Memudahkan Mahkamah menetapkan kes-kes untuk dibicarakan.
3. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai *1 Julai 2001*.


(YAA TUAN HAJI SAM B HJ OJEH)
Ketua Hakim Syarie

Rujukan : MS/0/41 JLD. 2 (1)
Takwim : 20 Rabiul Awwal 1422H
Tarikh : 12 Jun 2001

LAMPIRAN